

Encyclopaedia of Dr. Mahathir Mohamad dilancar 23 Sept.

UM - 9 SEP 2003

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Himpunan ucapan dan laporan-laporan media antarabangsa mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang terkandung dalam 'Encyclopaedia of Dr. Mahathir Mohamad' akan dilancarkan pada 23 September ini.

Lebih bersejarah lagi, pelancaran ensiklopedia terbitan Universiti Cairo di Mesir itu akan berlangsung di Universiti Oxford, United Kingdom sempena lawatan Dr. Mahathir ke Eropah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, ensiklopedia itu diterbitkan dengan kerjasama tokoh akademik dari beberapa universiti di Mesir termasuk Universiti Al-Azhar.

"Pelancaran ini adalah satu sejarah agak besar kepada negara apabila ucapan-ucapan Dr. Mahathir dengan wawasannya menarik minat universiti terkenal untuk diterbitkan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Dr. Mahathir sendiri dijadual melancarkan ensiklopedia itu tetapi bergantung kepada jadual lawatannya yang agak padat ke Eropah.

Sehari sebelum itu, Dr. Mahathir dijadual menyampaikan ucapan mengenai Islam dan pembangunan semula umat Islam di Universiti London.

Menurut Rais, Majlis Pengajian Islam Universiti Cairo juga menunjukkan komitmennya mengembangkan wawasan dan sumbangan Dr. Mahathir untuk manfaat masyarakat seluruh dunia.

Ensiklopedia yang diterbitkan dalam bahasa Arab dan Inggeris itu mengandungi 10 jilid.

Tajuk bagi setiap jilid ensiklopedia itu ialah *Ummah dan Islam; Cabaran Kepada Islam dan Ummah; Asia, Globalisasi: Cabaran Kepada Negara-Negara Islam; Hal Ehwal Malaysia; Globalisasi dan Realiti Kepada Negara-Negara Islam.*

Tajuk-tajuk lain ialah *Sains, Teknologi dan Hak Asasi Manusia; Politik dan Dimensi Asia Baru; Pembangunan dan Kerjasama Wilayah dan Isu-isu Semasa.*

Rais bersama Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman dijemput menyampaikan kata-kata aluan dan penilaian mengenai Dr. Mahathir dan Malaysia.